

Beri subsidi jika harga minyak naik

Susulan Arab Saudi gantung sementara pengeluaran minyak

PUTRAJAYA

Tindakan Arab Saudi menggantung sementara pengeluaran di dua loji minyak Aramco susulan serangan oleh pemberontak Yemen sudah pasti akan memberi kesan kepada harga minyak di seluruh dunia, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau berkata di Malaysia, kerajaan mengamalkan pemberian subsidi bagi mengimbangi kenaikan harga tersebut.

"Kalau dia (Arab Saudi) terpaksa henti pengeluaran minyak ditapis sebanyak sejuta tong, sudah tentu beri kesan kepada harga minyak seluruh dunia."

"Tetapi di Malaysia bila harga minyak naik, kita beri subsidi. Di United Kingdom, kalau minyak naik dia (kerajaan) naikkan cukai. Di United Kingdom, orang dia tak merungut," katanya pada



FOTO: BERNAMA

Dr Mahathir bercakap pada sidang media selepas menyaksikan pusingan akhir Pertandingan 'The Boat Race Putrajaya 2019' di Tasik Putrajaya semalam. Turut kelihatan, Presiden Perbadanan Putrajaya Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Harga minyak dunia sejak lima tahun lalu

Harga setong per dollar

- | | |
|------------------|------------|
| • Disember 2015 | AS\$37.28 |
| Disember 2016 | AS\$ 56.09 |
| • Disember 2017 | AS\$ 66.03 |
| • Disember 2018 | AS\$ 50.57 |
| • September 2019 | AS\$61.28 |

Sumber: <https://www.macrotrends.net>

sidang media selepas menyaksikan The Putrajaya Boat Race 2019 di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula harga runcit petrol

RON95 yang kini ditetapkan pada paras RM2.08 jika berlaku kenaikan harga minyak dunia berikutnya kejadian serangan itu.

Sementara itu, Putera Abdulaziz Salman dalam kenyataan yang disiarkan

agensi berita SPA kelmarin berkata, Arab Saudi menggantung pengeluaran di dua loji minyak Aramco yang diserang pemberontak Yemen.

Menteri Tenaga Arab Saudi itu berkata, serangan tersebut menyebabkan penggantungan sementara pengeluaran di loji Abqaiq dan Khurais yang membawa kepada gangguan kira-kira 50 peratus pengeluaran keseluruhan.

Aramco dalam kenyataan berasingan menjelaskan serangan itu mengakibatkan penggantungan pengeluaran 5.7 juta tong minyak mentah sehari.

Serangan dron pemberontak Houthi ke atas Abqaiq dan Khurais, dua kemudahan utama Aramco di timur Arab Saudi, adalah yang terbaru dalam siri serangan ke atas loji minyak negara itu sejak beberapa bulan lalu.

Pemberontak Houthi berkata, mereka melancarkan operasi berskala besar membabitkan 10 dron di kemudahan itu, lapor televisyen kumpulan itu, Al-Masirah. - Bernama

>> LAGI BERITA
• DI MUKA 39